



Maklumat Inovasi 2011

| | |
|---|--|
| Tajuk Inovasi | Pemeliharaan Ayam Kampung Dengan Teknologi Reban Mudah Alih (<i>Mobile Chicken Coop</i>) |
| Ketua Kumpulan | <div style="text-align: center;">  <p>Dr Abd Razak bin Mohd Zailan</p> </div> |
| Ahli Kumpulan | <div style="text-align: center;">  <p>Abdul Jalil bin Mohd Ibrahim</p> </div> |
| Tahun Penciptaan/ penambahbaikan | 2007 hingga sekarang |
| Latarbelakang | <p>Semasa wabak HPAI pada tahun 2006, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah diarah oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk melaksanakan tindakan pemutihan ke atas semua ayam kampung. Justeru, pihak atasan telah disarankan agar melaksanakan pemeliharaan ayam kampung dengan Teknologi Reban Mudah Alih (<i>Mobile Chicken Coop</i>). Tindakan pemutihan yang hendak dilaksanakan akan melibatkan kos yang lebih tinggi, masa yang lama dan penglibatan tenaga yang ramai.</p> |
| Ringkasan Inovasi | <p>2 jenis model <i>Mobile Chicken Coop</i> telah dibina dimana Model 1 sesuai digunakan untuk ayam kampung dan puyuh, manakala Model 2 sesuai digunakan untuk ayam kampung dan itik. Bekas makanan dan minuman digantung di luar reban dan mempunyai bukaan untuk ayam makan dan minum di dalam reban. Telur ayam pula boleh dipungut dari luar reban. Projek inovasi ini dapat mengawal jangkitan penyakit yang berpunca daripada pemeliharaan ayam kampung secara lepas bebas. Projek ini juga menjayakan Program Bumi Hijau seperti yang disarankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.</p> |
| Faedah Inovasi | <ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan kesedaran konsep penternakan adalah mudah, tidak cemar dan menggalakkan rakyat berternak untuk kegunaan sendiri. 2. Menyumbang kepada Program Bumi Hijau yang disarankan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. 3. Sistem pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah, tepat dan berkesan. |

| | |
|--|--|
| | <p>4. Tinja dapat dikumpul dengan mudah dan digunakan sebagai baja organik.</p> <p>5. Ekonomi negara dapat ditingkatkan apabila wujudnya sistem kawalan penyakit yang efektif dan secara tidak langsung mewujudkan suasana yang selamat dan memberi keyakinan kepada pelabur luar untuk melabur di negara ini.</p> |
| <p>Status Komersil (jika ada)</p> | <p>Di bawah Program Bumi Hijau tahun 2007, kaedah <i>Mobile Chicken Coop</i> menerima peruntukan sebanyak RM1.2 juta dengan penglibatan 1000 penternak seluruh Malaysia.</p> |
| <p>Pencapaian / Anugerah (jika ada)</p> | <p>Pembentangan inovasi di Persidangan dan mesyuarat HPAI di Bangkok pada Mei 2007 telah mendapat peruntukan daripada FAO sebanyak RM 146 300.</p> |
| <p>Maklumat Lanjut</p> | <p>Nama : Dr Abd Razak bin Mohd Zailan Alamat : Institut Teknologi Unggas Melaka No. Tel : 06-384 1321 No. HP : 019-225 5773 No. Faks : 06-384 1324 Email : razakz@dvs.gov.my Website :-</p> |
| <p>Gambar Produk Inovasi</p> |  <p style="text-align: center;">Model 1 : Sesuai untuk ayam kampung / puyuh</p> |



Model 2 : Sesuai untuk ayam kampung / itik



Bekas makanan dan minuman



Telur ayam boleh dipungut dari luar reban